

04/03/1998

EU hantar delegasi peringkat tertinggi ke Asia Tenggara

LONDON, Selasa - Kesatuan Eropah (EU) menghantar satu delegasi peringkat tertinggi ke Malaysia dan beberapa negara Asia Tenggara bagi membincangkan kemungkinan mewujudkan inisiatif baru menangani kegawatan ekonomi serantau.

Delegasi berkenaan yang akan turut melawat Thailand, Indonesia dan Singapura, dijangka mengadakan pertemuan dengan pemimpin serta pegawai kanan ekonomi negara terbabit bagi mencapai matlamat itu.

Diketuai Menteri di Jabatan Hal-Ehwal Luar dan Komanwel Britain, Derek Fatchett, delegasi itu dijadual berlepas ke Asia Tenggara malam ini dan singgah di Bangkok, sebelum ke Kuala Lumpur.

Bercakap kepada pemberita sebelum berlepas dari sini hari ini, Fatchett berkata delegasinya dianggotai wakil Jabatan Luar Britain, Perbendaharaan dan beberapa tokoh daripada negara EU.

Delegasi itu turut diutus sebagai perwakilan tertinggi Perdana Menteri Britain, Tony Blair, yang juga Pengerusi Mesyuarat Asia Eropah Kedua (Asem-2) yang dijadualkan di sini, mulai 2 hingga 4 April ini.

Ia juga dihantar bagi membuktikan komitmen EU dalam pelbagai usaha membantu negara Asia Tenggara mengatasi kesulitan ekonominya, terutama yang menerima pakej bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Fatchett berkata, antara objektif utama kunjungan itu ialah mendapatkan pandangan pemimpin Asia Tenggara berhubung kegawatan ekonomi serantau, yang akan menjadi agenda utama Asem-2.

Sehubungan itu, delegasi berkenaan akan mengumpul maklumat sama ada wujud sebarang inisiatif baru yang boleh dilaksanakan secara kolektif oleh kedua-dua pihak dalam usaha mengatasinya.

"Di Kuala Lumpur, kami dijadual bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; timbalannya yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya.

(END)